

Praktis 2

Bahan-bahan di bawah ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut. **KOMSPM**

Bahan 1

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan terbuka kepada warga negara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Kolej Komuniti Setiu.

Maklumat Jawatan Kosong

- 1 Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
- 2 Pembantu Makmal

Tarikh Permohonan

1 Ogos 2025 (Jumaat)
sehingga 14 Ogos 2025 (Khamis)

Cara Memohon

Semua permohonan-permohonan hendaklah dibuat secara di dalam talian.

Permohonan akan ditolak:

- Tidak lengkap atau tidak jelas.
- Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.
- Diterima sebelum 1 Ogos 2025 dan selepas 14 Ogos 2025.

Hanya pemohon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek akan ditemu duga. Pemohon yang bukan menerima sebarang jawapan selepas tiga bulan dianggap gagal.

**MOHON
SEKARANG!**

Layari www.kolejkomunitisetiu.com.

[5 markah]

Bahan 2

Malaysia wajar mengikut jejak langkah United Kingdom yang memperkenalkan undang-undang yang lebih sempit terhadap pihak bank untuk memastikan pemilik akaun dilindungi dari jenayah penipuan kewangan. Dasar terbabit menetapkan pihak bank perlu membayar pampasan atau ganti rugi dalam tempoh lima hari kepada pemilik akaun yang menjadi mangsa *scammer*. Melalui dasar ini, pihak bank akan lebih bertanggungjawab untuk memantau transaksi yang mencurigakan. Cadangan oleh beberapa NGO agar supaya *scammer* diisytiharkan sebagai musuh negara harus diberi pertimbangan dengan seriusnya juga. Dengan sasaran tersebut, berbagai perancangan yang lebih menyeluruh dapat dirangka dan dijalankan untuk membasmi *scammer* pada peringkat akarnya. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mempertimbangkan strategi khas untuk menghapuskan saluran yang digunakan oleh *scammer* untuk memerangkap mangsa. Selain itu, pakar-pakar teknologi maklumat, komunikasi, dan kewangan perlu bersama-sama memikirkan kaedah yang terbaik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Strategi Khas Matikan Saluran *Scammer* Perangkap Mangsa',
www.sinarharian.com, 4 Disember 2024

[6 markah]

Bahan 1

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

- (iv) _____
- (v) _____

Bahan 2

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____